

# Darah Muda mahu tampil kelainan

Libatkan kumpulan 'live band' irangi persembahan mereka sebagai muzik latar

■ KAMARUL HALIM M KAMAL

**BATU PAHAT** - Penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mencipta kelainan dalam persembahan teater mereka berjudul *Darah Muda-Menyingkap Perjuangan Dato' Onn Jaafar apabila melibatkan kumpulan live band'*

Pengarah Muzik dan Jurulatih Band, Mohd Hafiz Burhan berkata, dengan mempersembahkan kumpulan *live band* dalam teater, ia akan memberikan kepuasan kepada penonton.

Menurutnya, kesan pada muzik latar berkenaan akan membuatkan penonton rasa seolah-olah berada dalam sebuah konsert.

"Untuk teater kami, kumpulan live band ini akan memainkan tiga lagu iaitu *Akan Ku Tunggu* daripada kumpulan Candy, selain dua



MOHD HAFIZ



SYAFFIQ

**PENTAS TEATER  
KARYA JOHOR 2016**

lagu daripada kumpulan Bunkface iaitu *Darah Muda* dan *Malam Ini Kita Punya*.

"Selain cipta kelainan, kami turut berdebar kerana inilah persembahan kami secara live di hadapan penonton, selain persembahan teater, di mana kelainan yang dicipta dengan mempersembahkan kumpulan *'cheerleading'*.

persembahan sendiri sahaja.

"Dalam persembahan *live band* ini kami melibatkan dua penyanyi, dua pemain gitar, pemain drum, bass dan keyboardies," katanya.

Dalam pada itu, pementasan teater itu turut dikuatkan lagi dengan persembahan kumpulan tarian melibatkan 30 penari, di mana kelainan yang dicipta dengan mempersembahkan kumpulan *'cheerleading'*.



Kumpulan teater UTHM melibatkan kumpulan 'live band' dalam teater mereka yang akan dipersembahkan pada 6 dan 7 Mei ini.

Menurut koreografer teater, Syaffiq Hambali, teater itu akan menggabungkan persembahan *cheerleading* dan tarian moden, di mana kumpulan penari akan melakukan persembahan se-

banyak tiga kali.

"Penari akan terlibat dalam teater ini semasa pembukaan, pertengahan dan akhir persembahan, yang mana kebanyakannya pelajar ini pertama kali melakukannya di atas pentas.

"Saya berharap ia akan jadi kebanggaan kepada kami kerana teater kali ini berbeza dengan seni persembahannya, apabila menggabungkan pelbagai elemen," katanya.